



PERSATUAN MEMANAH NEGERI KELANTAN
(KELANTAN ARCHERY ASSOCIATION)
LOT 1262 KAMPUNG PADANG EMBUN, BUNUT SUSU,
17020 PASIR MAS, KELANTAN
No. Pendaftaran 0848/2000

Email : PMNK02@gmail.com H/phone : 019-954 4828/ 010-810 8383



PMNK/KMK2/10/2025
29 April 2025
02 Zulkaedah 1446

Presiden/ Setiausaha
Persatuan Memanah Negeri/ Ahli – ahli Gabungan NAAM

Tuan,

JEMPUTAN UNTUK MENYERTAI KEJOHANAN MEMANAH KEBANGSAAN
2025, SIRI 2

Dengan segala hormatnya, perkara diatas adalah dirujuk

2. Sukacita dimaklumkan Persatuan Memanah Negeri Kelantan dengan Kerjasama Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia sebagai penganjur akan menganjurkan Kejohanan Memanah Kebangsaan Siri 2 2025 seperti ketetapan berikut

Tarikh : 11 Hingga 15 Jun 2025
Hari : Rabu hingga Ahad
Tempat : SMK Kutun , Tumpat, Kelantan

3. Justeru itu, pihak PMNK berbesar hati menjemput Persatuan YBhg Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof/ Dr/ Tuan/ Puan, untuk menghantar pasukan bagi menyertai kejohanan ini. Bersama – sama ini dilampirkan maklumat kejohanan untuk perhatian dan Tindakan selanjutnya

4. Segala Kerjasama dan soikongan yang diberikandaripada YBhg Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof/ Dr/ Tuan/ Puan amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih

Sekian, terima kasih.

Yang menjalankan tugas,

HASHIM BIN ALI KAMARUDDIN)
Setiausaha Kehormat
Persatuan Memanah Negeri Kelantan



TARIKH-TARIKH PENTING

Tarikh mula pendaftaran MAREOS	: 7 Mei 2025
Tarikh akhir pendaftaran MAREOS	: 1 Jun 2025
Tarikh akhir bayaran	: 1 Jun 2025
Mesyuarat Pengurus Pasukan	: 10 Jun 2025 (GOOGLE MEET)
Tarikh kejohanan	: 11 hingga 15 Jun 2025

TENTATIF PROGRAM (TIDAK RASMI)

Tempat kejohanan : SMK Kutan, Tumpat, Kelantan.

Jadual :

10 Jun 2025 Selasa	21:00-22:00	Team Manager Meeting (Google Meet)
11 Jun 2025 Rabu	09:00-12:30 14:00-18:00	Practice (no target assignment) + Equipment Inspection Qualification Rounds CM + CW
12 Jun 2025 Khamis	08:00-12:30 14:00-18:00	Compound Individual elimination rounds 1/32 to Semi Final Qualification Rounds RM + RW
13 Jun 2025 Jumaat	08:00-12:30 14:30-18:30	Recurve Individual elimination rounds 1/32 to Semi Final Barebow Mixed Team elimination rounds 1/8 to Semi Final
14 Jun 2025 Sabtu	08:00-12:30 14:00-16:00	Recurve & Compound team elimination rounds 1/8 to Semi Final Compound Bronze & Gold Medal Matches
15 Jun 2025 Ahad	9:00-12:30	recurve Bronze & Gold Medal Matches

***Jadual adalah tidak rasmi. Jadual berkemungkinan akan bertukar bergantung kepada beberapa faktor seperti kilat, jumlah penyertaan, dan lain-lain lagi.

PENDAFTARAN

Semua pendaftaran peserta (pengurus, jurulatih dan atlet) hendaklah didaftarkan melalui Malaysia Archery Results & Entry Online System (MAREOS). Tiada pendaftaran secara manual yang diterima.

Daftar masuk di MAREOS melalui <https://mareos.masarchery.org/> . Selepas daftar masuk, pilih kejohanan yang ingin didaftarkan.

Hubungi pihak NAAM (events@masarchery.org) jika ada sebarang pertanyaan ataupun memerlukan bantuan mengenai MAREOS. Untuk pertanyaan selain daripada MAREOS sila hubungi pihak penganjur.



KATEGORI

Kategori bagi kejohanan ini adalah seperti berikut:

- | | |
|---|----|
| 1. Recurve lelaki (umur dari 16 dan ke atas) | RM |
| 2. Recurve wanita (umur dari 16 dan ke atas) | RW |
| 3. Compound lelaki (umur dari 13 dan ke atas) | CM |
| 4. Compound wanita (umur dari 13 dan ke atas) | CW |

PENYERTAAN

Penyertaan bagi kejohanan ini adalah terhad. Setiap pasukan boleh menghantar 32 orang atlet (8 RM, 8 RW, 8 CM, 8 CW). Walau bagaimanapun hanya 1 pasukan sahaja bagi setiap kategori dibenarkan untuk masuk ke acara berpasukan dan berpasukan campuran. Pegawai Pasukan di hadkan 10 orang bagi setiap pasukan. Setiap peserta haruslah didaftarkan atas nama pasukan negeri masing-masing. Selain daripada pasukan negeri, ATM, PDRM dan MASUM, pasukan projek khas NAAM/ MSNM sahaja akan dibenarkan masuk (jika ada).

Jumlah penyertaan adalah seperti di bawah:

BIL	NEGERI	RM	RM	CM	CW	JUMLAH	PEGAWAI	JUMLAH
1	Perlis	8	8	8	8	32	10	42
2	Kedah	8	8	8	8	32	10	42
3	Pulau Pinang	8	8	8	8	32	10	42
4	Perak	8	8	8	8	32	10	42
5	Selangor	8	8	8	8	32	10	42
6	Negeri Sembilan	8	8	8	8	32	10	42
7	Melaka	8	8	8	8	32	10	42
8	Johor	8	8	8	8	32	10	42
9	Pahang	8	8	8	8	32	10	42
10	Terengganu	8	8	8	8	32	10	42
11	Kelantan	8	8	8	8	32	10	42
12	Sabah	8	8	8	8	32	10	42
13	Sarawak	8	8	8	8	32	10	42
14	Wilayah Persekutuan	8	8	8	8	32	10	42
15	WP Putrajaya	8	8	8	8	32	10	42
16	WP Labuan	8	8	8	8	32	10	42
17	ATM	8	8	8	8	32	10	42
18	PDRM	8	8	8	8	32	10	42
19	MASUM	8	8	8	8	32	10	42
JUMLAH		152	152	152	152	608	190	798

Pendaftaran lewat (selepas Tarikh tutup) atau pertukaran (selepas tarikh tutup) akan didenda mengikut kadar yang telah ditetapkan dan penganjur mempunyai hak untuk tidak menerima.



YURAN

Yuran penyertaan adalah seperti berikut

Pemanah : RM150.00/orang
Pegawai (Pengurus/ Jurulatih) : RM50.00/orang

Kadar denda/ penalti pendaftaran lewat/ pertukaran (selepas tarikh tutup) adalah sebanyak RM50.00/orang.

MAKLUMAT PEMBAYARAN

Pembayaran perlu dijelaskan kepada penganjur sebelum tarikh tutup penyertaan. Selepas pada tarikh tersebut, kadar denda anda dikenakan.

Nama Bank : AMBANK
Nama : PERSATUAN MEMANAH NEGERI KELANTAN
No Akaun : 8881011156207
Salinan ke : +60 19-954 4828 (En. Hashim Ali Kamaruddin)

PERATURAN

Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang World Archer dan Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia.

Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirnya, maka undang-undang World Archery yang terkini akan dipatuhi.

Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:

Sebarang kejadian akan diputus berasaskan kepada Peraturan Kejohanan Memanah Kebangsaan Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia.

Sebarang perselisihan teknikal akan diputus berasaskan kepada Undang-undang World Archery dan Kejohanan Memanah Kebangsaan Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia.

Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankausa Teknikal dan Pertandingan Kejohanan adalah muktamad.

Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM 300.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sahaja).

Wang pertaruhan akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu ditolak atau didapati tidak wajar.

Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Pengurus Pertandingan dalam masa 15 minit selepas keputusan diumumkan.

Jarak yang akan dipertandingan adalah:



RM, RW : 70m Rounds & Individu 1/8 Rounds
CM, CW : 50m Rounds & Individu 1/8 Rounds

Target Face yang akan diguna pakai adalah:

RM, RW : Outdoor 122cm Face (1 – X)
CM, CW : Outdoor 80cm Face 6 rings (5 – X)

HADIAH

Pingat akan disediakan seperti berikut:

BIL	ACARA	EMAS	PERAK	GANGSA	JUMLAH
1	Individu Recurve Lelaki	1	1	1	3
2	Individu Recurve Wanita	1	1	1	3
3	Individu Compound Lelaki	1	1	1	3
4	Individu Compound Wanita	1	1	1	3
5	Berpasukan Recurve Lelaki	4	4	4	12
6	Berpasukan Recurve Wanita	4	4	4	12
7	Berpasukan Compound Lelaki	4	4	4	12
8	Berpasukan Compound Wanita	4	4	4	12
9	Berpasukan Campuran Recurve	2	2	2	6
10	Berpasukan Campuran Compound	2	2	2	6
JUMLAH		24	24	24	72

PENGINAPAN & MAKANAN

Pihak penganjur tidak menyediakan penginapan dan makanan. Segala urusan adalah di bawah tanggungjawab pasukan masing-masing.

GANTI RUGI

Persatuan Memanah Putrajaya dan Jawatankuasa Pengelola Pertandingan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kemalangan atau kecelakaan yang mungkin berlaku kepada mana-mana atlet dan pegawai semasa kejohanan ini berlangsung termasuklah perjalanan dari rumah/ tempat pertandingan/ rumah.

HUBUNGI PENGANJUR

Nama : En. Hashim Ali Kamaruddin
No. Tel : +60 19-954 4828